

01 Nov 2024

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD

AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan **AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas **4** ladang yang diuruskan oleh **AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD** pada **04-05.12.2024**. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Ladang ASPA Kg. Mikang	Ladang ASPA Kg.Mikang, Mukim Keratong, 26700 Muadzam Shah, Pahang	1500.15	N 3° 5' 6" E 102° 58' 24"
Ladang ASPA Sg. Miang	Ladang ASPA Sg.Miang, KM10 Jalan Pekan-Nenasi, Peti Surat No.5, 26600 Pekan, Pahang	1515.11	N 3° 25' 24.4" E 103° 24' 29.6"
Ladang ASPA Sg. Jeram	Ladang ASPA Sg.Jeram, Kg Ganoh, 26670 Bukit Ibam, Mukim Keratong, Rompin, Pahang	4680.00	N 3°23'20.0" E 102°56'42.7"
Ladang ASPA Berabung	Ladang ASPA Berabung, Mukim Pontian, 26800 Kuala Rompin, Pahang	1431.00	N 2° 73' 0" E 103° 35' 82.22"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD** terdiri daripada:

- i) En. Ermadasila bin Mohamad sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial Dan Temuduga Stakeholder Dalaman Dan Luaran)
- ii) En. Mohd Fikhri Haizum Bin Isamuddin sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) En. Mohd Rizal bin Md Kassim sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) En. Azmi bin Adnan sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 04.12.2024
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Lokasi : Ladang ASPA Kg.Mikang, Mukim Keratong, 26700 Muadzam Shah, Pahang

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengiriskan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Atika Binti Bakar
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Atika', with a small circle above the letter 'i'.

Atika Binti Bakar

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.